

**Utamakan kepentingan rakyat dalam rombakan Kabinet - Penganalisis politik**  
**Astro Awani**  
**19 Julai 2019**  
**Wan Syamsul Amly,**

KUALA LUMPUR: Rombakan Kabinet perlu dibuat untuk memperkukuhkan lagi jentera kerajaan selain meletakkan kepentingan rakyat di tempat teratas.

Penganalisis Politik Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Dr Muhammad Fuad Othman menjelaskan, ia memastikan penyampaian sistem kerajaan berjalan baik walaupun pada masa landskap politik negara mungkin tidak berada pada tahap terbaik.

"Saya rasa dalam menjawab soalan sama ada sesuai atau tidak sesuatu rombakan Kabinet ini, secara asasnya adalah untuk memperkukuhkan lagi jentera kerajaan mungkin dari segi kesesuaian ataupun dari segi pelaksanaan apa yang telah dirancang.

"Jadi sekiranya Kerajaan Pakatan Harapan (PH) merasakan ada keperluan untuk membuat rombakan Kabinet dan ia perlu dilaksanakan walaupun pada ketika ini, saya kira mungkin ia paling sesuai.

"Pada akhirnya sama ada rombakan itu memberi manfaat kepada rakyat khususnya dalam memastikan jentera penyampaian sistem kerajaan itu dapat dijalankan dengan baik," katanya ketika dihubungi di sini, pada Jumaat.

Sebuah portal pada Khamis yang memetik sumber melaporkan, satu rombakan Kabinet difahamkan akan dilakukan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas Hari Raya Aidiladha nanti.

Menurut sumber itu, ia sudah menjadi perbualan oleh banyak pihak yang menjangkakan berlaku selewat-lewatnya akhir bulan hadapan.

Sementara itu kata Dr Muhammad Fuad, umum akan menerima rombakan itu jika kerajaan dapat menyakinkan tujuannya untuk memperkemas daya penyampaian kepada rakyat sendiri.

"Saya rasa kalau kerajaan boleh menyakinkan rakyat bahawa rombakan Kabinet ini perlu dilakukan pada ketika ini, dan rombakan Kabinet itu bertujuan untuk memperkemas dan mempertingkatkan daya penyampaian iaitu apa yang telah dijanjikan oleh kerajaan kepada rakyat.

"Saya kira rakyat boleh menerimanya sebab pada akhirnya seperti saya katakan tadi, sekiranya ia boleh menguntungkan rakyat, saya rasa tidak akan menjadi masalah selagi mana kepentingan rakyat itu diletakkan di hadapan oleh kerajaan ini," tegasnya.

Dalam pada itu, sumber portal berkenaan dilaporkan enggan mengulas lanjut kemungkinan rombakan Kabinet itu adalah sebahagian daripada pelan penyerahan kuasa Perdana Menteri kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/utamakan-kepentingan-rakyat-dalam-rombakan-kabinet-penganalysis-politik-213004>